

Analisis Struktur Teks Dalam Kemahiran Membaca Teks Ekonomi

Wan Normeza Wan Zakaria

normeza@ic.utm.my

Universiti Teknologi Malaysia International Campus

Nor Aishah Buang

norais@ukm.my

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Setiap teks pembelajaran mempunyai kerangka maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pelajar. Kerangka maklumat inilah yang membentuk struktur teks. Justeru pelajar yang membaca teks perlu mengenal pasti kerangka maklumat ini yang terkandung dalam struktur teks untuk membantu mereka memahami teks secara lebih mendalam. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kerangka struktur teks ekonomi yang digunakan oleh pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi. Topik yang dijadikan model analisis struktur teks ialah topik Pasar Persaingan Sempurna. Reka bentuk kajian ini ialah reka bentuk analisis kandungan, iaitu menganalisis jenis struktur teks setiap unit dan hubungan struktur teks antara unit-unit dalam topik Pasar Persaingan Sempurna. Kajian mendapati struktur teks unit terdiri dari teks jenis Huraian, Senarai, Sebab-akibat dan Urutan. Manakala hubungan struktur teks antara unit terdiri dari jenis Huraian, Sebab-akibat, Pengetahuan pra dan pengetahuan pos, dan Urutan. Implikasi kajian ini ialah pelajar yang membaca teks ekonomi perlu mengenal pasti ciri-ciri struktur teks ekonomi untuk memudahkan mereka memahami maklumat pembelajaran Ekonomi.

Katakunci: kemahiran membaca, strategi membaca, kefahaman kandungan teks, analisis struktur teks, buku teks.

Analysis Of Text Structure In The Skills Of Reading Economics Text

Abstract

Academic texts contains information framework that the authors want to convey to the students. This information framework forms the structure of the texts. Thus, students who read the texts should be familiar with the structure of texts in order to help them deepen their understanding of the texts. This study aimed to identify the structures of the economic texts that were used by students who took Economics subject. The topic chosen as a model for texts structure analysis was Perfect Competition. The design of this study was a content analysis which analyzed the texts structure of every unit and inter units of Perfect Competition. The findings show that there are four types of texts structure unit,

namely; description, listing, cause and effect, and sequence. While texts structure relationship between units consists of description, cause and effect, pre and post knowledge, and sequence. The implication of this study is that students who read Economics texts should identify the types of texts structure to help them understand the content of Economics texts.

Keywords: reading skills, reading strategies, text comprehension, text structure analysis, textbook.

Pendahuluan

Pengenalan struktur teks adalah satu cara yang boleh membantu pelajar memahami teks yang dibaca dengan lebih mendalam. Menurut Meyer (1985) teks tulisan sememangnya mengandungi struktur maklumat yang tersusun. Para penulis teks merangka terlebih dahulu struktur yang ingin disampaikan kepada pelajar. Berpandukan kepada kerangka struktur ini, penulis teks menyusun ayat-ayat dan idea-idea untuk membentuk teks. Oleh itu, pelajar yang dapat mengenal pasti struktur maklumat ini dapat memproses dan memahami maklumat pembelajaran dengan cepat berbanding pelajar yang tidak dapat mengenal pasti.

Pernyataan Masalah

Keputusan pencapaian mata pelajaran Ekonomi di institusi pendidikan tidak begitu memberangsangkan. Berdasarkan laporan prestasi keputusan peperiksaan yang dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (2011) keputusan pencapaian mata pelajaran Ekonomi tahun 2010 dan 2011 dalam peperiksaan awam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) adalah menurun. Peratusan Lulus Penuh tahun 2010 ialah 57.55 peratus dan peratusan Lulus Penuh 2011 ialah 53.92 peratus. Manakala pada tahun-tahun sebelum ini, keputusan pencapaian mata pelajaran Ekonomi juga tidak mencapai tahap yang membanggakan. Arnida (2007) dalam kajiannya menjelaskan bahawa pencapaian jumlah lulus mata pelajaran Ekonomi Asas dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak pernah melebihi 70% bagi tahun 1999 hingga 2006. Di samping itu, peratus jumlah lulus berkenaan semakin menurun daripada 64.4% pada tahun 1999 kepada 51.9% sahaja pada tahun 2003.

Sekaligus peratusan pencapaian mata pelajaran Ekonomi yang tidak memberangsangkan ini menunjukkan terdapat masalah penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran berkenaan. Dalam pembelajaran ekonomi, di samping menghadiri kelas, pelajar perlu membaca dan mengulangkaji buku teks ekonomi dan buku-buku rujukan lain. Ini kerana maklumat terperinci kandungan mata pelajaran Ekonomi terdapat dalam buku-buku berkenaan. Jumlah maklumat yang banyak yang berjaya dikutip oleh pelajar semasa membaca buku-buku ekonomi akan dapat membantunya menguasai mata pelajaran Ekonomi.

Oleh itu, salah satu cara untuk meningkatkan kutipan maklumat dari teks semasa membaca teks ialah dengan membuat analisis teks bagi mengenal pasti struktur teks yang dibaca (Hryniuk-Adamov, 2008). Berpandukan struktur teks, pelajar dengan mudah dapat mengenal pasti maklumat utama yang terkandung dalam teks Ekonomi. Semakin mahir pelajar membuat analisis teks, semakin cepat pelajar dapat mengenal pasti maklumat utama dari teks (Muhammad Kamarul Kabilan, Mak Kem Seng & Ooi Ae Kee, 2010). Justeru dengan analisis teks ini, pelajar dapat mengambil semaksimum mungkin maklumat yang terkandung dalam teks Ekonomi.

Kajian Literatur

Teks pembelajaran ekonomi dikategorikan sebagai teks ekspositori. Teks ekspositori biasanya terdiri dari buku teks, buku rujukan, artikel jurnal dan laporan ekonomi. Menurut Miller (1985) dan Moss (2008) teks ekspositori adalah satu hasil tulisan yang bertujuan untuk memberitahu, menerangkan, mentakrifkan atau menggambarkan tentang sesuatu perkara kepada pembaca. Penulisan teks ekspositori adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi dari kajian dan rujukan. Selain bahan-bahan berkenaan, teks ekspositori juga boleh didapati dalam bentuk rencana dalam akhbar dan majalah, buku bukan fiksyen, laporan perniagaan dan ensiklopedia.

Teks ekspositori juga sering menggunakan perkataan-perkataan yang asing kepada pembaca dan juga menggunakan istilah-istilah teknikal yang mempunyai maksud berbeza, iaitu maksud teknikal dan juga maksud dalam kegunaan harian. Keadaan ini mendatangkan kesukaran kepada pembaca kerana mereka sering mengguna pakai maksud dalam kegunaan harian, sedangkan makna teknikal yang diperlukan (Pages, 2002). Contohnya dalam pembelajaran ekonomi, pelajar selalu membuat tafsiran yang salah bagi istilah 'barang percuma'. Dalam kegunaan harian, perkataan barang percuma membawa maksud sesuatu yang diperolehi tanpa perlu dibayar, tetapi dalam konteks ekonomi, barang percuma adalah barang yang diperolehi tanpa melibatkan kos lepas. Pembelajaran tentang istilah dan definisi menyebabkan mereka menganggap mata pelajaran ini tidak memberi manfaat dan tiada kaitan dengan kehidupan seharian (Armento, 2001). Sekaligus persepsi negatif ini akan memberi kesan ke atas pencapaian mereka. Satu lagi ciri utama teks ekspositori adalah penyampaian maklumat dalam teks berkenaan disokong oleh data-data, graf, ilustrasi, gambar, jadual dan kartun.

Kandungan teks ekonomi terdiri dari teori-teori ekonomi, sistem-sistem ekonomi, masalah ekonomi dan penyelesaiannya, faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi. Penerangan dalam teks ekonomi banyak dibantu oleh data-data dan graf yang menerangkan hubungan antara boleh ubah seperti keluk permintaan, keluk penawaran, keluk kos, keluk pengeluaran, tabungan dan penggunaan. Data dan graf juga digunakan untuk menerangkan arah aliran kegiatan ekonomi dan sumbangan setiap sektor dalam ekonomi. Teks ekonomi juga mengandungi pelbagai istilah teknikal dan istilah-istilah ini adalah asing kepada pembaca terutamanya mereka yang baru mempelajari mata pelajaran Ekonomi, contohnya keanjalan permintaan, barang penggenap dan barang percuma.

Bagi kebanyakan pelajar, membaca dan memahami teks ekonomi adalah sesuatu yang sukar (Parkin, 2005). Menurut Mayer (1985), antara sebab ia sukar difahami adalah kerana pembaca tidak mempunyai pengalaman yang banyak dalam pembacaan teks ekspositori. Mereka kurang terdedah kepada ciri-ciri teks ekspositori yang mencabar. Oleh yang demikian mereka kurang memiliki strategi dalam menyusun maklumat teks tersebut. Dymock (2005) pula menyatakan bahawa pembaca menghadapi kesukaran semasa membaca teks ekspositori kerana mereka tidak dapat mengenal pasti struktur asas teks. Keadaan ini menyebabkan pembaca hilang tumpuan dan tidak dapat melihat gambaran keseluruhan teks berkenaan. Menurut Cubukcu (2007), penguasaan sesuatu mata pelajaran adalah dipengaruhi oleh pengetahuan tentang strategi membaca dan amalan mempraktikkan strategi berkenaan.

Oleh itu, pelajar memerlukan satu strategi membaca teks ekonomi, iaitu mereka perlu mengenal pasti struktur teks ekonomi. Dengan mengenal pasti struktur teks ekonomi terlebih dahulu, maka lebih mudah untuk mereka mendapatkan maklumat utama dalam teks. Pengetahuan tentang struktur teks membantu mereka untuk membina gambaran mental tentang isi kandungan teks yang dibaca (Cook & Mayer 1988), iaitu membina hubung kait dan pertalian logik antara satu idea dengan idea yang lain. Pelajar yang dapat mengenali jenis-jenis struktur teks dan dapat mengadaptasi pengetahuan berkenaan semasa pembacaan, dapat memahami dan menguasai teks ekspositori dengan lebih baik, dan juga dapat meningkatkan jumlah maklumat yang disimpan (Cooter & Flynt, 1996; Gilder, 2009; Read, Reutzel & Fawson, 2008).

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ialah untuk menganalisis struktur teks ekonomi. Analisis dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu :

- i) Mengenal pasti struktur teks setiap unit dalam sesuatu topik
- ii) Mengenal pasti jenis hubungan struktur teks antara unit-unit dalam sesuatu topik.

Analisis ini dapat memberikan maklumat berkaitan jenis-jenis struktur teks yang terdapat dalam teks ekonomi dan kajian sebegini masih kurang dijalankan. Kajian-kajian lepas yang menganalisis struktur teks, antaranya ialah kajian Meyer (1985) dan Mayer (1985). Bagaimanapun kajian-kajian berkenaan tidak menganalisis teks ekonomi. Meyer (1985) menganalisis teks umum manakala Mayer pula menganalisis teks khusus bagi mata pelajaran Sains.

Berasaskan hasil kerja Mayer (1985) yang telah membina struktur teks khusus untuk kandungan Sains kerana kelainannya yang tersendiri, maka struktur teks ekonomi juga seharusnya dikenal pasti. Ini adalah kerana kandungan mata pelajaran Ekonomi mempunyai ciri-ciri yang berlainan berbanding mata pelajaran-mata pelajaran lain.

Menurut Cook dan Mayer (1988), sekiranya pelajar sedar tentang kewujudan pelbagai jenis struktur teks, maka proses membaca teks menjadi lebih mudah. Kefahaman pelajar juga dapat ditingkatkan apabila pelajar dilatih cara mengenal pasti setiap jenis struktur teks. Sehubungan itu, diharap dapatkan kajian ini nanti akan dapat menyumbang maklumat

tambahan berkenaan dengan strategi pembacaan teks ekonomi bagi meningkatkan penguasaan dalam mata pelajaran Ekonomi.

Metod Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis struktur teks ekonomi. Teks ekonomi yang menjadi model untuk dianalisis ialah topik Pasar Persaingan Sempurna yang dipetik dari buku Mikroekonomi terbitan Pearson-Longman (Heng Siew Ngu & Md. Zyadi Md Tahir, 2006). Untuk mencapai tujuan ini, kajian ini menggunakan protokol analisis kandungan. Menurut Weber (1990), bagi membuat analisis kandungan, antara langkah utama adalah untuk menentukan unit asas yang akan dianalisis dan bagaimanakah unit-unit berkenaan dikategorikan. Unit asas boleh diklasifikasikan berdasarkan kepada perkataan, frasa atau rangkai kata, ayat, tema, perenggan atau keseluruhan teks bagi teks yang pendek.

Sehubungan itu, unit asas yang dikaji dalam kajian ini ialah unit-unit utama dan sub-sub unit kepada unit utama topik Pasar Persaingan Sempurna. Unit asas ini kemudiannya dikategorikan kepada jenis-jenis struktur teks berdasarkan ciri-ciri struktur teks yang wujud dalam teks berkenaan. Seterusnya hubungan struktur teks antara unit dianalisis bagi mengenal pasti hubungan struktur teks antara unit-unit utama topik Pasar Persaingan Sempurna.

Unit-unit dan subunit yang terkandung dalam topik Pasar Persaingan Sempurna ditunjukkan oleh Jadual 1.

Jadual 1: Unit dan subunit topik pasar persaingan sempurna

Unit	Tajuk unit
1.0	Definisi dan ciri-ciri Pasar Persaingan Sempurna
2.0	Permintaan firma
3.0	Konsep hasil <ul style="list-style-type: none">a. Jumlah hasilb. Hasil puratac. Hasil marginal
4.0	Pendekatan penentuan tingkat output keseimbangan <ul style="list-style-type: none">a. Pendekatan jumlah kos dan jumlah hasilb. Pendekatan kos sut dan hasil sut
5.0	Keseimbangan firma dalam jangka pendek <ul style="list-style-type: none">a. Untung lebih normalb. Untung normalc. Untung kurang normal
6.0	Keseimbangan firma dalam jangka panjang <ul style="list-style-type: none">a. Penyesuaian keseimbangan firma apabila firma memperoleh untung lebih normalb. Penyesuaian keseimbangan firma apabila firma memperoleh untung kurang normal
7.0	Penutupan firma

Jadual 1 (sambungan)

- | | |
|-----|---|
| 8.0 | a. Penerbitan keluk penawaran firma jangka pendek |
| | b. Penerbitan keluk penawaran industri jangka pendek |
| 9.0 | c. Keluk penawaran dalam industri kos menurun pada jangka panjang |
| | a. Keluk penawaran dalam industri kos malar pada jangka panjang |
| | b. Keluk penawaran dalam industri kos meningkat pada jangka panjang |
| | c. Keluk penawaran dalam industri kos menurun pada jangka panjang |

Dapatan Kajian

1) Analisis struktur teks unit

Analisis struktur teks unit topik PPS mendapati struktur teks unit topik PPS terdiri dari empat jenis, iaitu Teks Senarai, Teks Huraian, Teks Sebab-Akibat, dan Teks Urutan. Perincian setiap jenis struktur teks ditunjukkan dalam Jadual 2.


Jadual 2: Jenis struktur teks

Bil.	Jenis struktur teks	Unit dan sub unit
1	Teks Senarai	i. Definisi dan ciri-ciri Pasar Persaingan Sempurna ii. Konsep hasil iii. Pendekatan penentuan tingkat output keseimbangan iv. Keseimbangan firma dalam jangka pendek v. Keluk penawaran industri jangka panjang.
2	Teks Huraian	i. Permintaan firma ii. Jumlah hasil iii. Hasil purata iv. Hasil sut v. Pendekatan jumlah kos dan jumlah hasil vi. Pendekatan kos sut dan hasil sut vii. Untung lebih normal viii. Untung normal ix. Untung kurang normal x. Penutupan firma dalam jangka pendek xi. Penerbitan keluk penawaran firma jangka pendek.
3	Teks Sebab-Akibat	i. Keseimbangan jangka panjang ii. Penyesuaian keseimbangan firma apabila firma memperoleh untung lebih normal iii. Penyesuaian keseimbangan firma apabila firma memperoleh untung kurang normal (rugi) iv. Keluk penawaran dalam industri kos menurun pada jangka panjang v. Keluk penawaran dalam industri kos meningkat pada jangka panjang vi. Keluk penawaran dalam industri kos malar pada jangka panjang.
4	Teks Urutan	Keluk penawaran industri jangka pendek.

Unit-unit yang diklasifikasikan sebagai teks senarai adalah unit menyenaraikan fakta-fakta bagi menghuraikan idea utama unit berkenaan atau unit yang menyenaraikan kategori-kategori atau jenis-jenis idea utama yang dibincangkan. Contohnya unit ‘Definisi dan ciri-ciri PPS’ menyenaraikan ciri-ciri PPS dan menjelaskan setiap ciri berkenaan. Manakala unit ‘Konsep hasil’ pula menyenaraikan kategori konsep-konsep hasil. Begitu juga dengan unit ‘Pendekatan penentuan tingkat output keseimbangan’ menyenaraikan dua kaedah untuk menentukan tingkat output keseimbangan.


Unit-unit yang diklasifikasikan sebagai teks huraian ialah unit yang menghuraikan dengan terperinci setiap idea utama dalam unit berkenaan. Contohnya unit ‘Jumlah hasil’ di mana unit ini menyatakan definisi jumlah hasil, diikuti dengan rumus untuk mengira nilai jumlah hasil dan disertakan rajah yang menggambarkan keluk jumlah hasil. Selain itu, terdapat juga teks huraian yang memperincikan idea utama dengan memberikan penerangan lanjut tentang idea berkenaan. Misalnya unit ‘Penutupan firma’. Unit ini menjelaskan keadaan di mana firma perlu berhenti beroperasi, iaitu apabila hasil purata lebih rendah dari kos berubah purata pada tingkat output keseimbangan. Keadaan ini seterusnya dihuraikan lagi dengan sebab-sebab kenapa firma harus memberhentikan operasi apabila keadaan sedemikian berlaku dan rajah digunakan untuk menjelaskan lagi maksud yang disampaikan.

Unit yang dikategorikan sebagai teks sebab-akibat ialah unit yang menerangkan tentang satu perkara yang menyebabkan satu perkara lain berlaku. Contohnya unit ‘Penyesuaian keseimbangan firma’ apabila firma memperoleh untung lebih normal’. Unit ini menerangkan bahawa untung lebih normal yang dinikmati oleh firma-firma dalam industri akan menarik kemasukan firma-firma dari industri lain. Keadaan ini seterusnya menyebabkan penawaran industri bertambah dan diikuti oleh kejatuhan harga output dan pengurangan untung lebih normal dan akhirnya firma mencapai keseimbangan dalam jangka panjang dengan untung normal sahaja. Unit ini menerangkan rantaian sebab dan akibat di mana untung lebih normal yang dicapai oleh firma jangka pendek akan menyebabkan berlaku perubahan dalam pasaran yang akhirnya menyebabkan firma mencapai keseimbangan jangka panjang dengan untung normal. Keadaan berkenaan dapat diringkaskan seperti Rajah 1:



Rajah 1: Struktur teks sebab-akibat

Unit yang dikenal pasti sebagai teks urutan ialah unit yang mana isi kandungannya menerangkan satu urutan proses yang berlaku langkah demi langkah, iaitu unit ‘Penerbitan keluk penawaran industri jangka pendek’ yang menerangkan langkah-langkah bagi membentuk keluk penawaran industri dalam jangka pendek. Ringkasan urutan langkah-langkah berkenaan ditunjukkan dalam Rajah 2.




Rajah 2: Struktur teks urutan

2) Analisis hubungan struktur teks antara unit

Bagi hubungan struktur teks antara unit, kajian mendapati terdapat sebanyak empat jenis hubungan, iaitu Huraian, Sebab-akibat, Urutan, dan Pengetahuan pra dan pengetahuan pos. Hubungan Pengetahuan pra dan pengetahuan pos dikategorikan kepada dua unit yang mempunyai pertalian di mana maklumat dari satu unit perlu dikuasai terlebih dahulu bagi membolehkan pelajar memahami unit yang seterusnya, tetapi hubungan antara dua unit berkenaan tidak menepati ciri-ciri struktur teks sedia ada (Huraian, Senarai, Sebab-akibat, Urutan, Tindakbalas, Membanding-beza).

Bagi unit-unit yang mempunyai hubungan Sebab-akibat, istilah ‘mempengaruhi’ digunakan untuk menggambarkan isi kandungan unit pertama memberi kesan kepada isi kandungan unit berikutnya. Bagi unit-unit yang mempunyai hubungan Pengetahuan pra dan pengetahuan pos, istilah yang digunakan untuk menghubungkan dua unit berkenaan ialah ‘pengetahuan pra kepada’ yang menggambarkan isi kandungan unit terdahulu merupakan pengetahuan pra kepada isi kandungan unit yang berikutnya. Manakala dua unit yang mempunyai hubungan urutan, istilah ‘membawa kepada’ digunakan untuk menghubungkan isi kandungan dua unit terbabit. Ia menunjukkan isi kandungan dua unit berkenaan berlaku secara berurutan di mana isi kandungan unit pertama berlaku dahulu dan membawa kepada berlakunya isi kandungan unit yang kedua.

Perincian setiap jenis hubungan berkenaan ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Kategori hubungan struktur teks antara unit-unit utama Pasar Persaingan Sempurna

Justifikasi hubungan antara unit ini dijelaskan seperti berikut:

a) Hubungan huraian

Hubungan antara unit ‘Definisi dan ciri-ciri Pasar Persaingan Sempurna’ dengan unit ‘Permintaan firma’ dikategorikan sebagai Huraian kerana unit ‘Permintaan firma’

memberi gambaran tentang ciri-ciri Pasar Persaingan Sempurna. Keluk permintaan firma yang anjal sempurna menjelaskan bahawa firma Pasar Persaingan Sempurna adalah sebuah firma kecil yang perlu bersaing dengan firma-firm lain dalam industri, menghasilkan barang yang homogen dan tiada kuasa untuk menentukan harga barang yang dikeluarkan.

b) Hubungan sebab-akibat

Hubungan antara unit ‘Permintaan firma’ dengan unit ‘Konsep hasil’ dikategorikan sebagai hubungan Sebab-Akibat kerana unit ‘Permintaan firma’ menerangkan bahawa firma Pasar Persaingan Sempurna menjual outputnya hanya pada harga pasaran. Ini bermakna firma menjual seberapa banyak output pada satu harga sahaja. Keadaan ini menyebabkan jumlah hasil firma meningkat dengan seragam apabila permintaan terhadap output bertambah dan juga menyebabkan nilai hasil purata dan hasil marginal firma sentiasa bersamaan dengan harga pasaran.

c) Hubungan urutan

Hubungan Urutan dikenal pasti menghubungkan unit ‘Keseimbangan firma jangka pendek’ dengan unit ‘Keseimbangan firma jangka panjang’. Ini adalah kerana dua keadaan ini berlaku secara berurutan di mana firma mencapai keseimbangan jangka pendek terlebih dahulu sebelum mencapai keseimbangan jangka panjang.

d) Hubungan pengetahuan pra dan pengetahuan pos

Unit-unit yang mempunyai hubungan pengetahuan pra dan pengetahuan pos ialah:

- i) unit ‘konsep hasil’ dengan unit ‘penentuan tingkat output keseimbangan’
- ii) unit ‘penentuan tingkat output keseimbangan’ dengan unit ‘keseimbangan firma dalam jangka pendek’
- iii) unit ‘penentuan tingkat output keseimbangan’ dengan unit ‘penutupan firma’
- iv) unit ‘penutupan firma’ dengan unit ‘keseimbangan firma jangka panjang’
- v) unit ‘penutupan firma’ dan unit ‘keseimbangan firma jangka pendek’ dengan unit ‘penerbitan keluk penawaran firma dan industri jangka pendek’
- vi) unit ‘penerbitan keluk penawaran firma dan industri jangka pendek’ dengan unit ‘keluk penawaran industri jangka panjang’ .

Unit-unit ini mempunyai hubungan sedemikian kerana untuk memahami sesuatu unit, pelajar harus menguasai maklumat unit sebelumnya. Misalnya hubungan antara unit ‘penutupan firma’ dan unit ‘keseimbangan firma jangka pendek’ dengan unit ‘penerbitan keluk penawaran firma dan industri jangka pendek’. Bagi memahami bagaimana terbentuknya keluk penawaran firma dan industri jangka pendek, pelajar harus mempunyai maklumat tentang keadaan keseimbangan firma jangka pendek dan penutupan firma. Sekiranya pengetahuan pra tidak dikuasai, maka maklumat pengetahuan pos hanya dapat disimpan secara hafalan tanpa memahami maknanya.

Perbincangan dan Implikasi Kajian

Dapatan menunjukkan terdapat empat jenis struktur teks unit dalam topik Pasar Persaingan Sempurna, iaitu jenis Teks Senarai, Teks Huraian, Teks Sebab-akibat, dan

Teks Urutan. Manakala bagi hubungan struktur teks antara unit-unit utama topik ini, dapatkan menunjukkan terdapat empat jenis struktur teks, iaitu jenis Huraian, Sebab-Akibat, Urutan, dan Pengetahuan pra dan pengetahuan pos. Pelajar perlu mengenal pasti jenis struktur teks unit dan hubungan struktur teks antara unit ini bagi mendapatkan maklumat utama topik ini dan menghubungkaitkan maklumat-maklumat berkenaan (Danhua Wang, 2009).

Dapatkan juga menunjukkan bilangan jenis teks yang terbanyak dalam tajuk ini ialah jenis Teks Huraian. Manakala bilangan jenis teks yang kedua terbanyak selepas Teks Huraian ialah jenis Teks Senarai. Setiap fakta yang terkandung dalam Teks Senarai seterusnya dihuraikan oleh Teks Huraian. Secara umumnya, jenis Teks Huraian ini memang diperlukan dalam mata pelajaran Ekonomi kerana mata pelajaran ini mengandungi istilah-istilah khusus bagi disiplin ekonomi yang perlu dihuraikan secara terperinci untuk difahami oleh pelajar. Sebagai contoh, istilah "permintaan firma" tidak boleh difahami oleh pelajar dengan cara menggunakan kamus bahasa kerana istilah ini mengandungi erti yang khusus dalam disiplin ekonomi. Sekiranya pelajar mencari makna secara literal melalui kamus, mereka tidak akan sampai kepada makna istilah secara ekonomi.

Pada satu keadaan lain, terdapat istilah ekonomi yang mempunyai makna berbeza dengan istilah penggunaan harian. Sebagai contoh, istilah "Pelaburan". Dalam penggunaan harian istilah ini memberi erti pembelian saham-saham, tetapi dalam disiplin ekonomi istilah ini memberi erti perbelanjaan syarikat untuk membeli barang modal bagi menghasilkan barang dan perkhidmatan (Jomo & Ishak, 2003). Dengan itu, pelajar boleh terkeliru antara istilah penggunaan harian dengan istilah ekonomi jika istilah ini tidak dihuraikan dengan terperinci dalam buku ekonomi. Justeru mata pelajaran Ekonomi memerlukan jenis struktur Teks Huraian untuk memberi definisi istilah secara ekonomi untuk mengelak keliruan yang mungkin timbul. Hal ini tidak hanya terbatas kepada topik Pasar Persaingan Sempurna sahaja, tetapi kepada semua istilah yang terdapat dalam topik-topik mata pelajaran Ekonomi.

Perbezaan antara makna penggunaan harian dengan makna istilah ekonomi ini disebut miskonsepsi. Kajian Arnida (2007) menunjukkan majoriti responden kajiannya tidak memahami istilah-istilah ekonomi dengan betul. Kajian berkenaan mendapati tiga konsep yang kerap dimiskonsepsi ialah "pendapatan boleh guna", "pinjaman" dan "pelaburan". Majoriti peserta kajian memberi makna istilah-istilah ekonomi secara literal bahasa. Antara sebab berlaku miskonsepsi ini merujuk kepada perbezaan makna antara makna penggunaan harian dengan makna secara istilah, dan kecaburuan memahami konsep ekonomi. Demikian juga kajian Baumann (1997) yang mendapati ramai responden tidak dapat menjelaskan konsep-konsep ekonomi dengan betul dan ramai juga yang memberi konsep yang salah tentang konsep ekonomi.

Teks Huraian, secara umumnya, mengandungi idea utama dan idea sokongan (Meyer, 1985). Idea utama ialah maklumat induk dalam struktur teks, manakala idea sokongan ialah maklumat sub-induk yang menghuraikan maklumat induk. Untuk memahami Teks Huraian ini, pelajar perlu mengenal pasti yang mana satu yang dikatakan idea utama dan yang mana satu idea sokongan. Sekiranya pelajar tidak dapat mengenal pasti idea utama

dan idea sokongan, maka ia akan menjelaskan penguasaan mereka terhadap teks berkenaan. Ini kerana idea sokongan tidak sama dengan idea utama. Idea sokongan bertujuan untuk melanjutkan lagi kefahaman idea utama, dan idea sokongan tidak boleh menggantikan idea utama. Idea sokongan boleh berupa teks penerangan lanjut, rumus, contoh, rajah dan jadual. Sebagai contoh sub unit "Jumlah Hasil": Idea utama bagi sub unit ini ialah definisi jumlah hasil. Manakala idea sokongan ialah rumus dan rajah keluk jumlah hasil.

Mengikut Meyer (1985) jenis Teks Huraian dan Teks Senarai kurang bermasalah untuk difahami kerana kedua-dua teks berkenaan memfokuskan penerangan kepada satu idea sahaja. Bagi teks-teks berkenaan, pelajar perlu memproses maklumat selangkah sahaja, iaitu memproses maklumat tentang idea utama yang terkandung dalam teks. dan tidak perlu mengaitkan dengan idea lain. Proses ini lebih mudah berbanding dengan pemerosesan maklumat yang memerlukan lebih dari satu langkah. Jika disesuaikan dengan tahap hirarki kognitif Bloom, ia memberi erti bahawa pemerosesan satu langkah adalah pemerosesan tahap rendah, iaitu tahap pengetahuan dan pemahaman.

Berbeza dengan Teks Huraian dan Teks Senarai, Teks Sebab-akibat, Teks Urutan dan Teks Pengetahuan pra dan pengetahuan pos adalah lebih sukar difahami kerana teks-teks ini menggabungkan idea-idea berasingan, tetapi berkaitan. Contohnya Teks Sebab-akibat. Untuk memahami Teks Sebab-Akibat, pelajar perlu memahami maklumat ‘sebab’ terlebih dahulu, kemudian berasaskan kepada maklumat ‘sebab’, barulah dipanjangkan kefahaman kepada maklumat ‘akibat’. Inilah yang dikira sebagai dua idea yang berasingan, tetapi berkaitan antara satu sama lain. Teks ini, jika dipadankan dengan Taksonomi Bloom berada pada tahap aplikasi, iaitu mengaplikasi sebab kepada akibat. Mengikut Bloom, Krawthwohl, dan Masia (1988), tahap aplikasi adalah tahap kognitif peringkat tinggi, kerana tahap ini menggabungkan dua idea.

Begini juga dengan Teks Urutan, iaitu teks yang menerangkan perkara-perkara yang berlaku secara berurutan atau bersambung-sambung, atau langkah-langkah dalam satu proses. Sebagai contoh unit Penerbitan Keluk Penawaran Industri Jangka Pendek, di mana unit ini menerangkan urutan langkah-langkah bagi menerbitkan keluk penawaran industri jangka pendek. Terdapat empat langkah semuanya bagi maksud ini, dan setiap langkah mengikut tertibnya, iaitu tidak boleh didahulukan dan tidak boleh dikemudiankan. Sekiranya langkah-langkah ini tidak mengikut susunan tertibnya, maka salahlah maklumat itu.

Oleh itu, untuk memahami Teks Urutan, pelajar perlu memahami setiap langkah secara tertibnya. Setelah difahami langkah pertama, maka diteruskan ke langkah kedua, dan diulangi kefahaman ini sehingga langkah ke akhir. Setiap langkah mengandungi idea yang berlainan dengan langkah yang lain, dan maklumat dari langkah sebelumnya (kecuali langkah pertama) digunakan untuk melanjutkan kefahaman ke langkah seterusnya. Setelah memahami setiap langkah ini, barulah mereka dapat memahami langkah-langkah penerbitan keluk penawaran industri. Proses inilah yang dinamakan menggabungkan idea-idea berasingan, tetapi berkaitan.

Demikian juga dengan struktur Teks Pengetahuan Pra dan pengetahuan pos, iaitu teks yang menghubungkan dua unit yang berasingan, di mana unit yang awal perlu difahami terlebih dahulu sebelum memahami unit yang berkaitan selepas itu. Sebagai contoh, unit Konsep Hasil dengan unit Pendekatan Penentuan Tingkat Output Keseimbangan, di mana unit Konsep Hasil adalah pengetahuan pra kepada unit Pendekatan Penentuan Tingkat Output Keseimbangan. Oleh itu, pelajar perlu baca dan faham unit Konsep Hasil sebelum membaca unit Pendekatan Penentuan Tingkat Output Keseimbangan. Sekiranya tidak, mereka akan mengalami masalah untuk memahami unit Pendekatan Penentuan Tingkat Output Keseimbangan. Kedua-dua unit berkenaan mempunyai idea yang berasingan, dan boleh berdiri sendiri, tetapi pada masa yang sama, kedua-dua idea itu saling kait mengait antara satu sama lain. Tanpa memahami idea yang pertama sebagai pengetahuan pra, idea kedua sebagai pengetahuan pos sukar difahami. Perkara ini bukan hanya terdapat antara unit dalam satu topik sahaja, tetapi boleh terdapat antara topik dengan topik yang lain.

Menurut Goldman dan Rakestraw (2000) bagi teks yang menggabungkan dua idea ini, pelajar perlu melakukan langkah-langkah pemerosesan maklumat yang lebih banyak berbanding teks yang mempunyai satu idea utama sahaja. Pelajar perlu memproses idea awal terlebih dahulu sebelum memproses idea-idea berikutnya. Keadaan ini memerlukan pelajar mempraktikkan pembacaan secara mendalam (Noorizah 2006). Kegagalan memproses idea awal akan menyebabkan kegagalan untuk memahami idea yang seterusnya. Pemerosesan maklumat yang memerlukan lebih dari satu langkah memberi makna tahap kognitif tinggi, iaitu tahap aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian kerana tahap tinggi melibatkan dua idea.

Penutup

Dengan mengenal pasti struktur yang terbina dalam teks ekonomi, pelajar dapat mengambil secara maksimum isi maklumat utama yang terkandung dalam teks. Maklumat yang diambil secara maksimum ini dapat membantu pelajar menguasai mata pelajaran Ekonomi. Sehubungan itu, pelajar-pelajar Ekonomi harus diberikan pengetahuan tentang struktur teks dan didedahkan dengan cara-cara menganalisis struktur teks sebagai satu strategi membaca alternatif untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam mata pelajaran Ekonomi.

Rujukan

- Armento, B. J. 2001. Ideas for teaching Economics derived from learning theory. *Theory into Practice*, 26(3), 176-182.
- Arnida Abdullah. (2007). Miskonsepsi dalam pembelajaran konsep-konsep ekonomi di kalangan pelajar Tingkatan Empat. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baumann, E. (1997). High school student's mispresentations of basic economic concepts. *International Journal of Social Education*, 11(2), 91-104.

- Bloom, B. S., Krawthwohl, D. R. & Masia, B. B. (1988). *Taksonomi objektif pendidikan: Buku pedoman 2 domain afektif*. Terj. Mohd Zainuddin Hashim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cook, L. K. & Mayer, R. E. (1988). Teaching readers about the structure of scientific text. *Journal of Educational Psychology*, 80(4), 448-456.
- Cooter, Jr. R. B. & Flynt, E. S. (1996). *Teaching reading in the content areas: Developing content literacy for all students*. New Jersey: Prentice Hall.
- Cubukcu, F. (2007). An investigation of reading strategies employed by trainee teachers. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 7(2), 95-110.
- Danhua Wang. (2009). Factors affecting the comprehension of global and local main idea. *Journal of College Reading and Learning*, 39(2), 34-51.
- Dymock, S. (2005) Teaching expository text structure awareness. *The Reading Teacher*, 59 (2), 177-182.
- Gilder, J. (2009). "Are you gonna make us read outta the book this year Mr. Gilder ?" The effects of teaching text structure on reading comprehension of informational texts. Tesis M.Ed. University of California, Davis.
- Goldman, S. R. & Rakestraw, J. A. (2000). *Structural aspects of constructing meaning from text*. Dlm. M. L. Kamil, P. B. Mosenthal, P. D. Pearson & R. Barr (pnyt.). Handbook of reading research. 3, hlm. 311-335. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Heng Siew Ngu & Md. Zyadi Md Tahir. 2006. *Mikroekonomi: Teks pra U*. Petaling Jaya: Pearson-Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Hryniuk-Adamov, C. (2008) Text structures: Teaching patterns in reading and writing. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 52 (2), 178-180.
- Jomo K. S & Ishak Shari. (2003). *Makroekonomi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Kamarul Kabilan, Mak Kem Seng, & Ooi Ae Kee. (2010). Reader-text transaction in text comprehension. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(3), 127-142.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2011). Laporan prestasi peperiksaan awam (Atas talian) Muat turun 8 April 2011, dari www.mpm.edu.my

- Mayer, R. E. (1985). Structural analysis of science prose: Can we increase problem-solving performance? Dlm. B. K. Britton & J. B. Black, *Understanding expository text: A theoretical and practical handbook for analyzing explanatory text* (hlm. 65-88). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Meyer, B. J. F. (1985). Prose analysis, purposes, procedures and problems. Dlm. B. K. Britton & J. B. Black, *Understanding expository text: A theoretical and practical handbook for analyzing explanatory text* (hlm.11-64). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Miller, J. R. (1985). A knowledge-based model of prose comprehension: Applications to expository texts. In B. K. Britton & J. B. Black, *Understanding expository text: A theoretical and practical handbook for analyzing explanatory text* (hlm. 269-297). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Moss, B. (2008). Facts that matter: Teaching students to read informational text. Dlm. D. Lapp, J. Flood & N. Farnan, *Content area reading and learning: Instructional strategies*. ed. ke-3. New York: Lawrence Erlbaum Associates.
- Noorizah Mohd. Noor. (2006). Reading academic text: Awareness and experiences among university ESL learners. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 6, (2), 65-78.
- Pages, J. M. (2002). Expository text: The choice for some, a challenge for others. Vol. E1, Issue 2, Big6e Newsletter.
- Parkin, M. (2005). *Economics*. ed. ke-7. Oxford: Pearson.
- Read, S., Reutzel, D. R., & Fawson, P. C. (2008). Do you want to know what I learned ? Using informational trade books as models to teach text structure. *Early Childhood Education Journal*, 36, 213-219.
- Weber, R. P. (1990). *Basic content analysis*. ed. ke-2. Newbury Park: Sage Publications.

Penulis

Wan Normeza Wan Zakaria kini bertugas sebagai staf akademik di Universiti Teknologi Malaysia *International Campus*, Kuala Lumpur. Beliau mempunyai pengalaman mengajar kursus Ekonomi selama empat belas tahun.

Nor Aishah Buang (Ph.D) ialah Profesor Madya di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang Pendidikan Ekonomi, Perniagaan dan Keusahawanan.